

103
**Perniagaan bukanlah untuk
mencetuskan rusuhan -Dr. M**

**HENTIKAN
KEMPEN
CELA DEB**

KUALA LUMPUR 20 Nov.
— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada pihak-pihak yang menjalankan kempen untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru supaya menghentikan perbuatan itu.

Sambil mengingatkan golongan itu bahawa tindak-tanduk mereka tidak menguntungkan negara, Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan berazam untuk mencapai matlamat-matlamat dalam dasar itu kerana inilah sahaja jalannya untuk menjamin kestabilan dan keharmonian serta kemakmuran Malaysia.

"Perniagaan bukanlah untuk mencetuskan rusuhan. Perniagaan berkembang dari keamanan dan kestabilan," katanya.

Beliau menambah, dalam menjayakan dasar itu kerajaan telah menunjukkan keinginan merubah serta membetulkan pendekatan dan maksud, tetapi tidak akan melencong dari matlamatnya untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah berucap merasmikan seminar mengenai "Dasar Ekonomi Baru—Implikasi Kewangan dan Cukai Untuk Memenuhi Kehendak DEB — di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau menghuraikan tentang langkah-langkah kerajaan mengadakan dasar tersebut dan berkata bahawa "di mana-mana jua anda menjalankan perniagaan, anda tertakluk kepada dasar-dasar kerajaan, yang seharusnya mempunyai batasan."

Sederhana

Beliau berkata, syarikat-syarikat multinasional yang menjalankan perniagaan di pelbagai negara mengetahui benar dan tahu apa-apa juga faedah yang diperolehi adalah sederhana.

"Tidak ada jalan hendak melarikan diri dari dasar-dasar. Apa yang mustahak ialah

anda dibenarkan menjalankan perniagaan. Seorang ahli perniagaan yang baik akan berusaha membetulkan diri dan berlaku sebaik-baiknya dari situasi itu," katanya.

Olehnya ditegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mengurangkan perbezaan hingga mencetuskan ketegangan kaum di negara ini dan mungkin juga punca rusuhan tahun 1969.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa perniagaan bukanlah untuk mencetuskan rusuhan. Perniagaan berkembang dari keamanan dan kestabilan.

Dengan sebab itu DEB adalah baik untuk perniagaan—meskipun terdapat pelbagai jenis sekatan dikenakan darinya, tambahnya.

"Adalah lebih baik mengadakan sekatan-sekatan dari mengalami keadaan tidak stabil. Pilihannya ialah antara sepotong roti yang separuh bahagian dari tidak ada langsung. Pastilah ahli perniagaan yang bijak akan memilih roti yang separuh itu," tambahnya.

Beliau berkata, mungkin ada orang bertanya—di masa lalu Malaysia tidak mempunyai DEB dan perniagaan berjalan baik.

Jawapan segera kepada soalan itu bahawa tidaklah terlalu bagus bidang perniagaan sebelum Dasar Ekonomi Baru.

Dalam hubungan ini beliau memberi contoh: Tiga perempat dari semua kegiatan perdagangan di Malaysia hari ini — tentunya tiga perempat dari bangunan-bangunan di Kuala Lumpur — telah dimulai selepas rusuhan 1969 dan pelancaran Dasar Ekonomi Baru.

"Ini harus dipertikaikan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah baik untuk perniagaan. Jika seseorang berasa sukar mengakuinya, tidaklah seseorang itu boleh berkata secara jujur bahawa ia bukanlah sebenarnya keburukan bagi perniagaan.

Beliau berkata bahawa DEB di Malaysia adalah dasar yang melibatkan perniagaan. Kalau ia bukan DEB, mungkin dasar lain yang

juga sama sekatan itu."

Menurutnya, dalam masa pemerintahan British di negara ini terdapat satu polisi tetapi orang Malaysia menerimanya "kerana mereka tidak dapat berkata atau melakukan sesuatu mengenainya."

Dasar dalam masa Kerajaan British, katanya lagi, adalah lebih mementingkan gedung-gedung dan juga hasil pengeluaran British.

"Orang tempatan memperoleh hampas dan menggunakannya kerana itu adalah polisi," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa kerajaan tidak sepenuhnya mementingkan kepentingan orang lain (altruistic) dalam merumus dan mengadakan Dasar Ekonomi Baru kerana keamanan dan kestabilan juga adalah kebaikan kepada kerajaan.

Katanya, tujuannya menerangkan Dasar Ekonomi Baru adalah supaya memudahkan mereka kerana bila seseorang dapat menyesuaikan diri terhadap sesuatu, ia akan berhenti menentangnya secara sia-sia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu berkata, syarikat-syarikat asing telahpun dapat menyesuaikan diri dengan Dasar Ekonomi Baru dan telahpun mendapat faedah darinya.

"Malah, setengah mereka telah meningkatkan harta dari syarat-

syarat dari sekatan itu," katanya.

Beliau yakin ahli-ahli perniagaan tempatan juga boleh menikmati apa yang diperolehi oleh syarikat asing, kecuali mereka tidak terdaya berbuat seperti apa yang dilakukan oleh ahli perniagaan asing.